

SYNAMOX FOR ORAL SUSPENSION

Amoxicillin (125mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Synamox for Oral Suspension
2. Bagaimana Synamox for Oral Suspension berfungsi
3. Sebelum mengambil Synamox for Oral Suspension
4. Cara pengambilan Synamox for Oral Suspension
5. Semasa mengambil Synamox for Oral Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Synamox for Oral Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Synamox for Oral Suspension

Synamox for Oral Suspension mengandungi Amoxicillin sebagai bahan aktif. Amoxicillin tergolong dalam kelas antibiotik "penisilin". Ubat ini digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria yang sensitif terhadap Amoxicillin termasuk:

- Jangkitan telinga, hidung dan tekak
- Jangkitan ginekologi dan saluran kencing
- Gonorea
- Jangkitan kulit dan tisu lembut

Bagaimana Synamox for Oral Suspension berfungsi

Amoxicillin dalam Synamox for Oral Suspension melawan bakteria dan menghentikan tumbesaran bakteria dengan menghalang kekuatan dan ketekalan dinding sel. Ini membunuh bakteria dan menolong merawat jangkitan.

Sebelum mengambil Synamox for Oral Suspension

- Bila ubat ini tidak boleh diambil

Anda dilarang mengambil Synamox for Oral Suspension dan mesti rujuk doktor atau ahli farmasi jika anda:

- Alah terhadap penisilin, antibiotik jenis penisilin termasuk *Cephalosporins*, *Cephameycins*, *Griseofluvin* dan *Penicillamine* atau bahan lain yang terkandung dalam produk ini seperti yang tersenarai di bahagian bawah risalah ini
- Mengalami masalah buah pinggang dimana anda mungkin memerlukan dos yang lebih rendah
- Mempunyai sejarah penyakit gastrousus terutama sekali kolitis ulceratif atau kolitis disebabkan oleh antibiotik (radang usus besar)
- Mempunyai penyakit lain seperti leukimia atau jangkitan HIV dimana keadaan ini akan menyebabkan anda lebih berkemungkinan untuk mengalami ruam kulit

Hamil dan menyusukan bayi

Jika anda hamil, menyusukan bayi atau merancang untuk hamil, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubat.

Amoxicillin boleh terbias ke dalam susu ibu. Synamox for Oral Suspension boleh diambil oleh ibu yang menyusukan bayi jika disarankan oleh doktor.

- Sebelum pengambilan ubat ini

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai:

- Alahan kepada ubat-ubat lain, makanan, bahan pengawet atau perwarna.
- Mana-mana penyakit yang tersenarai di atas

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau telah mengambil ubat-ubat lain, termasuk yang tidak mempunyai preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Setengah ubat-ubatan mungkin menyebabkan interaksi apabila diambil bersama Synamox for Oral Suspension termasuk:

- Ubat untuk cirit birit
- Ubat yang mengandungi *Chloramphenicol*, *Erythromycins*, *Sulphonamides* atau *Tetracyclines* (antibiotik)
- Ubat probenecid (Ubat gout)

Cara pengambilan Synamox for Oral Suspension

Ikuti arahan doktor atau ahli farmasi anda berkaitan pengambilan Synamox for Oral Suspension. Jika anda musykil dengan arahan pada label, rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Ianya perlu diambil pada selang waktu yang tetap bergantung kepada arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Pembancuhan Semula Larutan

Untuk 60ml:

1. Goncang botol untuk melonggarkan serbuk
2. Tambahkan air masak yang telah disejukkan (pada suhu bilik) ke paras bawah 60ml
3. Goncang dengan baik
4. Tambahkan air untuk mencukupkan larutan ke paras 60ml
5. Goncang larutan bancuhan semula ini setiap kali sebelum digunakan

Untuk 100ml:

1. Goncang botol untuk melonggarkan serbuk
2. Tambahkan air masak yang telah disejukkan (pada suhu bilik) ke paras bawah 100ml
3. Goncang dengan baik
4. Tambahkan air untuk mencukupkan larutan ke paras 100ml
5. Goncang larutan bancuhan semula ini setiap kali sebelum digunakan

Larutan bancuhan semula mesti disimpan dalam peti sejuk dan digunakan dalam masa 7 hari.

- Berapa banyak harus digunakan

Ikuti semua arahan doktor atau ahli farmasi dengan betul. Arahan mereka mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat pada risalah ini.

Jika anda musykil dengan arahan pada label, rujuk doktor atau ahli farmasi anda.

Dos Biasa Kanak-kanak:

Bagi berat badan bayi sehingga 6kg:
25mg hingga 50mg setiap 8 jam

Bagi berat badan kanak-kanak 6kg-8kg:
50mg hingga 100mg setiap 8 jam

Bagi berat badan bayi dan kanak-kanak 8-20kg:

6.7mg hingga 13.3mg bagi setiap kg berat badan, setiap 8 jam

Berat badan kanak-kanak lebih 20kg:

Mengikut dos biasa bagi dewasa

Bagi orang yang mempunyai penyakit jangkitan seksual (*Gonorrhoea*) perlu mendapatkan nasihat dari doktor atau ahli farmasi untuk pengambilan Synamox for Oral Suspension dengan ubat probenecid.

Bagi memastikan ketepatan dalam pengambilan dos, anda dinasihati untuk

menggunakan picagari oral terutama apabila memberikan ubat ini kepada bayi.

Perlu diingatkan bahawa antibiotik mesti dihabiskan walaupun anda telah merasa sihat. Ini adalah perlu bagi menghalang bakteria daripada membina ketahanan antibiotik. Jika anda tidak menghabiskan antibiotik, jangkitan mungkin berulang dan lebih sukar untuk diubati.

- Bila ianya perlu diambil

Ambil seperti mana arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Synamox for Oral Suspension lebih baik diambil sewaktu perut kosong atau perut penuh.

- Berapa lama ianya boleh diambil

Ambil ubat ini selama mana arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jika tiada perubahan, sila berjumpa doktor anda.

- Jika terlupa mengambilnya

Makan ubat sebaik sahaja anda ingat. Jika ianya sudah hampir waktu untuk pengambilan seterusnya, tunggu sahaja untuk pengambilan tersebut dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan gandakan dos bagi menggantikan pengambilan yang tertinggal.

- Jika terlebih dos

Antara simptom dos berlebihan ialah mual, muntah dan cirit-birit dan boleh dirawat dengan pengambilan air dan bendalir.

Jika anda atau orang lain telah ambil terlebih dos, dapatkan rawatan perubatan di Bahagian Kecemasan hospital berdekatan dengan segera.

Semasa pengambilan Synamox for Oral Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat seperti mana arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya anda ingin mendapatkan rawatan perubatan lain, maklumkan kepada semua doktor, doktor pergigian dan ahli farmasi yang anda sedang mengambil Synamox for Oral Suspension.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti ambil Synamox for Oral Suspension kecuali atas nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Synamox for Oral Suspension kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti mana ubat-ubat lain, Synamox for Oral Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan kepada sesetengah pengguna.

Sesetengah pengguna mungkin akan mengalami tindakbalas alahan terhadap Synamox for Oral Suspension. Simptom-simptom termasuk:

- Ruam kulit dan gatal-gatal
- Sembelit atau kejang pad bahagian abdominal atau perut
- Kembung perut atau demam
- Loya, muntah
- Sakit atau bengkak mulut atau lidah
- Cirit birit beserta kehadiran darah

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan lain selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)/ Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Synamox for Oral Suspension

- Penyimpanan

Simpan semua ubat-ubatan dari penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Simpan ubat-ubatan di tempat yang kering dan dingin dan bersuhu di bawah 25°C.

Jauhi dari cahaya dan pembekuan.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang tertera di kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir pada bulan tersebut.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk halus sekata dan tidak berketul dan tiada partikel hitam. Mempunyai bauan berciri penisilin.

Selepas pembancuhan semula, membentuk larutan sekata dan tiada partikel hitam, dengan haruman tutti frutti dan mempunyai rasa manis.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Amoxicillin trihydrate

- Bahan tidak aktif

Povidone, Sugar, Sodium Sacharin, Xanthan Gum, Castor Sugar, Disodium Hydrogen Phosphate, Tutti Fruitti flavour, Colloidal Silicone Dioxide, Sodium Dihydrogen Phosphate, Dimethicone.

- Nombor MAL:

MAL19890250AZ

Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)

Lot 120, Taman Farmaseutikal, 32610 Bandar Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (661901-P)

Lot 120, Taman Farmaseutikal, 32610 Bandar Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/4/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)300418/00134